



Tegas kuat kuasa larangan merokok

Majoriti anggota masyarakat sudah semestinya menyokong penuh dan sangat teruja dengan keputusan kerajaan yang mengisytiharkan semua restoran terbuka sebagai kawasan larangan merokok mulai Disember ini. Hal ini kerana masyarakat semakin risau dengan kesan negatif merokok terutama kepada golongan yang menjadi mangsa keadaan di tempat terbuka seperti restoran. Langkah ini juga dilihat sebagai inisiatif tambahan Kementerian Kesihatan bagi memperluaskan lagi kawasan larangan merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2017. Keputusan ini juga sekali gus menzahirkan komitmen Malaysia sebagai negara anggota kepada Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau dan mematuhi panduan di bawah Artikel 8 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Hakikatnya kita percaya pewartaan ini bertujuan untuk melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok. Mengikut cadangan jika peraturan ini tidak dipatuhi, mereka yang masih degil akan dikenakan denda RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun. Untuk rekod, setakat ini di bawah Peraturan 11, Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2017, terdapat 23 tempat yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok termasuk dalam lif dan tandas, tempat makan berhawa dingin, dalam kenderaan awam dan hentian awam, lapangan terbang, kawasan premis kerajaan dan kawasan yang digunakan untuk apa-apa aktiviti perhimpunan. Sehingga 2018, terdapat lima negeri yang telah mewartakan peraturan ini.

Atas kertas atau secara teorinya peraturan baru ini dilihat sangat baik, cukup ideal dan boleh memberi manfaat terhadap kesihatan rakyat, namun isu utamanya adalah sejauh mana peraturan atau larangan merokok ini dapat dilaksanakan atau dikuatkuasakan dengan tegas dan efisien. Isu penguatkuasaan ini terus menjadi polemik kerana pada hari ini kita dapat lihat masih ramai yang degil dan merokok di 23 tempat yang diwartakan.

Baik di tandas, hentian awam, premis kerajaan malah di lapangan terbang juga kita masih dapat lihat kelibat perokok tegar yang merokok. Mereka kelihatan sedikitpun tidak rasa bersalah dan tidak ada pula yang berani ambil tindakan terhadap perbuatan mereka tersebut. Ini menyebabkan yang merokok tetap terus merokok di semua tempat yang mereka mahu merokok tanpa langsung rasa bersalah mahupun takut dan orang awam pula termasuk kanak-kanak, warga emas serta ibu mengandung terus menjadi mangsa keadaan.

Jadi tatakala kita hargai dan

memuji inisiatif kerajaan yang mengisytiharkan lebih banyak tempat sebagai kawasan larangan merokok, besarlah juga harapan kita agar peraturan ini disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang tegas. Untuk itu penulis ingin mencadangkan beberapa pendekatan agar inisiatif ini dapat memberi manfaat seperti diharapkan. Antaranya, perlu ada bilangan anggota penguat kuasa yang ramai yang mengadakan pemantauan secara kerap ke semua kawasan larangan merokok yang diwartakan. Hal ini cukup penting kerana kehadiran anggota penguat kuasa ini akan mendatangkan gerun dan takut dalam kalangan perokok. Malah anggota juga wajar terus mengeluarkan saman atau denda seperti diperuntukkan tanpa terlalu banyak birokrasi.

Dalam konteks ini kita percaya bilangan anggota penguat kuasa yang ada pastinya tidak mencukupi untuk memantau setiap kawasan larangan di seluruh negara pada setiap hari. Jadi kita cadangkan pihak Kementerian lantik orang awam seperti penjawat awam, NGO dan pemimpin masyarakat yang layak sebagai pemantau sukarelawan yang dilatih dan ditauliahkan termasuk diberi kuasa yang sewajarnya supaya boleh membantu melaksanakan

pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh negara. Sudah tiba masanya pihak Kementerian melaksanakan kerjasama strategik dengan anggota masyarakat demi manfaat bersama.

Kita juga berharap pihak Kementerian akan membuat hebahan dan makluman menyeluruh mengenai senarai kawasan yang diwartakan untuk makluman semua anggota masyarakat terutama kaki rokok. Biar mesej kawasan larangan serta hukuman yang akan dikenakan sampai ke pengetahuan semua pihak. Hebahan dalam media cetak, elektronik, media sosial serta edaran poster dan pemasangan papan tanda larangan wajar dilaksanakan secara menyeluruh dengan kaedah yang lebih kreatif dan penyampaian mesej yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Pada masa sama kita juga harap pihak Kementerian akan menyediakan saluran aduan yang lebih efisien dan efektif supaya anggota masyarakat boleh membuat aduan. Perkara ini mustahak kerana aktiviti merokok ini boleh berlaku di mana saja dan pada bila-bila masa, jadi perlu ada saluran atau hotline yang efisien dan responsif supaya masyarakat boleh terus membuat aduan dengan segera dan harapan kita adalah akan ada anggota penguat

kuasa yang boleh hadir ke lokasi dengan cepat. Walaupun nampak agak berat dan sukar namun jika kita mahu peraturan ini dipatuhi dan memberi impak, inisiatif seperti ini perlu juga dilaksanakan.

Sebagai tambahan pihak Kementerian juga boleh menjalinkan kerjasama strategik dengan semua pemilik premis yang diwartakan seperti restoran supaya membantu melaksanakan peraturan ini. Kita tidak mahu ada pula pengusaha restoran misalnya yang membiarkan pelanggannya merokok dan tidak mahu melarang perbuatan tersebut kerana takut kehilangan pelanggan.

Kemungkinan besar perkara ini akan berlaku jadi eloklah Kementerian memikirkan pendekatan yang lebih strategik supaya dapat bekerjasama dengan pemilik premis. Malah tidak keterlaluan untuk kita mencadangkan pertama, mengenakan hukuman yang setimpal kepada pemilik premis yang membiarkan atau membenarkan pelanggan merokok dan kedua kalau boleh melarang terus restoran menjual rokok, cukuplah sekadar menjual makanan. Perbuatan menjual rokok di restoran sendiri seolah-olah kita menggalakkan pelanggan membeli dan merokok selepas menjamu selera. Tidak

perluah racun dan madu dijual ditempat yang sama.

Anggota masyarakat juga perlu bangkit mempertahankan hak masing-masing. Jelasnya kita tidak mahu menanggung derita pelbagai komplikasi penyakit akibat kedegilan kaki rokok. Jadi anggota masyarakat boleh mengambil beberapa langkah seperti menegur dengan cara baik jika ada orang merokok di mana-mana kawasan larangan yang diwartakan atau terus membuat laporan kepada pihak berkuasa. Dalam konteks ini kesedaran mengenai kepentingan kesihatan dan kesan buruk asap rokok dalam kalangan anggota masyarakat sangat penting. Dengan adanya kesedaran sedemikian kita mampu bertindak lebih berani dan yakin demi mempertahankan hak kita.

Besarlah harapan kita kepada setiap perokok agar berhentilah dari tabiat buruk ini, jika tidak boleh sekurang-kurangnya jangan mencetuskan kemudaratan kepada orang lain. Hormati hak orang lain dan peraturan yang ditetapkan. Semoga inisiatif kerajaan ini dapat dikuatkuasakan dengan tegas dan efisien demi manfaat seluruh anggota masyarakat. Katakan tidak pada rokok!

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

